

Syor guna cop digital di semua pintu masuk

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) disarankan menggunakan cop digital sepenuhnya di semua pintu masuk negara bagi mengekang salah guna cop keselamatan sedia ada oleh pihak tertentu.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung (KPISM), Norhisham Murujan, berkata penggunaan cop digital sepenuhnya sudah dilaksanakan di beberapa negara maju seperti Australian Border Force.

Katanya, sistem baharu yang sedang dibangunkan itu sewajarnya melihat perkara terbabit kerana mereka tidak boleh lagi menggunakan pendekatan konvensional dalam menyediakan perkhidmatan.

“KPISM menggesa semua pegawai Imigresen teruskan semangat dan berikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan negara berlandaskan konsep integriti dan profesional.

“KPISM sentiasa bekerjasama



Norhisham Murujan

dengan pihak Imigresen bagi mempromosi ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik.

“Selain itu, memperkukuhkan mekanisme kawalan dalam dengan memasukkan elemen menyokong pencegahan rasuah serta pematuhan undang-undang dan peraturan berkaitan memerangi rasuah di kalangan pegawai dan pihak menawarkan rasuah,” katanya.

Kelmarin, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

menahan tiga lagi pegawai imigresen termasuk seorang berpangkat Timbalan Pengarah yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berhubung siasatan kes rasuah membabitkan cop sempadan.

Sebelum ini, seramai 50 individu membabitkan 28 pegawai imigresen, 17 ejen pekerja asing dan lima orang awam ditahan dalam Op Selat, selain wang tunai lebih RM800,000, 26 kereta mewah dan empat motosikal berkuasa tinggi turut dirampas.

Dalam pada itu, Norhisham berkata, KPISM menggesa Jabatan Imigresen terus memberi fokus utama kepada usaha memperkasa langkah langkah pencegahan salah guna kuasa di jabatan berkenaan.

Katanya, kesatuan mengesyorkan pemeraksanaan langkah sedia ada, antaranya memperluaskan skop audit Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) di semua pintu masuk negara.

“Pegawai integriti jabatan

yang mempunyai sijil Certified Integrity Officer (CeIO) perlu diperbanyakkan, selain memperkemas prosedur operasi standard; membangunkan Pelan Anti Rasuah Imigresen komprehensif dan holistik serta memastikan peruntukkan latihan mencukupi dalam membangunkan kompetensi pegawai secara konsisten, selari dengan visi dan misi jabatan.

“KPISM komited membantu jabatan membanteras aktiviti salah laku dan rasuah dalam kalangan pegawai agensi itu,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga tidak akan berkompromi dan melindungi pegawai terbabit daripada hukuman setimpal, jika terbukti dan disabitkan bersalah di mahkamah.

Bagaimanapun, katanya, KPISM berharap siasatan telus, adil dan profesional dapat dilaksanakan pihak berkuasa, selain berharap semua pihak lebih adil dalam membuat laporan dan menyatakan pandangan.